



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SURAT PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Tarikh : 19 Ogos 2021**

**Bil. 3/2021**

**No. Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

---

### **PEMBATALAN PENGGUNAAN FRASA "PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi melaksanakan arahan Kerajaan berhubung pembatalan pemakaian frasa "**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**" dalam urusan penyediaan surat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat bernombor rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (4) bertarikh 26 Januari 2021, telah mengarahkan semua agensi Kerajaan menggunakan frasa "**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**" dalam urusan penyediaan surat-surat rasmi Kerajaan, selagi mana Proklamasi Darurat masih berkuat kuasa oleh Kerajaan.
- 2.2 Pada 16 Ogos 2021, melalui surat edaran bernombor rujukan JPM.100-1/11/1 JLD2 (35), Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan pembatalan penggunaan frasa "**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**" dalam urusan penyediaan surat rasmi.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, frasa "**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**" dengan ini **tidak lagi terpakai** penggunaannya dalam urusan penyediaan surat di UMS.

#### **3.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 3.1 Surat Pekeliling Pendaftar ini **berkuat kuasa serta merta** iaitu pada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

Saya yang menjalankan amanah,



**LUQMAN RIDHA ANWAR**  
Pendaftar

- s.k.   ☞   Naib Canselor  
☞   Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞   Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞   Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
☞   Bendahari  
☞   Ketua Pustakawan  
☞   Penasihat Undang-Undang  
☞   Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan  
☞   Penolong Naib Canselor (Strategik)  
☞   Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)  
☞   Ketua Pegawai Maklumat (CIO)